

# Pendakwaan terhadap Najib salah

**PUTRAJAYA:** Pasukan pembelaan memberitahu Mahkamah Rayuan di sini semalam bahawa pendakwaan Seksyen 23 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 terhadap bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah salah dan bertentangan dengan undang-undang negara.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah berhujah demikian dalam rayuan Najib untuk mengetepikan sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dikenakan terhadapnya oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur selepas didapati bersalah atas tujuh pertuduhan membabitkan penyelewengan dana syarikat SRC International berjumlah RM42 juta.

Beliau berhujah, hal ini kerana Ahli Parlimen Pekan itu

tiada mempunyai kepentingan peribadi dalam SRC dan Seksyen 23(4) Akta SPRM 2009 tidak terpakai bagi seseorang pegawai memegang jawatan dalam badan awam sebagai wakil satu badan awam lain mempunyai kawalan atau separa kawalan.

Malah katanya, pertuduhan salah guna kuasa juga salah kerana keputusan meluluskan jaminan kerajaan adalah keputusan bersama mesyuarat Kabinet dan bukan melibatkan Najib sahaja.

“Jadi ia bertentangan dengan hujah pendakwaan yang mengatakan Najib mempunyai hasrat agar Kabinet meluluskan jaminan tersebut sebagai pertukaran kepada habuan RM42 juta. Pertuduhan salah guna kuasa adalah salah dan pertuduhan Seksyen 23 juga adalah salah serta menyalahi undang-undang.



**NAJIB TUN RAZAK**

“Apabila Najib berada dalam mesyuarat Kabinet, beliau tidak seperti kesalahan dalam Seksyen 23 menggunakan kedudukan untuk kepentingan diri,” katanya.

Seksyen 23 Akta SPRM mem-

babitkan kesalahan suapan dengan menggunakan kedudukan jawatan yang merangkumi konteks iaitu individu terlibat adalah pegawai awam, menggunakan kedudukan demi kepentingan diri atau saudara atau rakan.

Dalam pada itu, Muhammad Shafee berhujah pertuduhan terhadap Najib juga salah kerana dirangka dengan meletakkan beberapa dakwaan kesalahan dalam satu pertuduhan memandangkan perundangan menggariskan hanya satu pertuduhan jenayah untuk satu pendakwaan.

“Kedua-dua pihak pendakwaan dan pembelaan berada dalam kecelaruan kerana pertuduhan ini salah apabila dua pertuduhan dimasukkan dalam satu pertuduhan. Pertuduhan ini boleh dipecahkan kepada dua,” katanya.